

Cagamas terbit ICP bernilai RM350 juta

KUALA LUMPUR 22 NOV. - Cagamas Bhd. akan menerbitkan Kertas Komersial Islam (ICP) tiga bulan berjumlah RM350 juta terbitan ke-24 buat perbadanan gadai janji negara itu bagi 2018.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Ghee Leong berkata, ICP tersebut akan diterbitkan di bawah struktur Komoditi Murabahah.

Katanya, hasil daripada terbitan tersebut akan digunakan bagi membiayai pembelian pembiayaan Islam daripada sistem kewangan.

"Ini menjadikan jumlah terbitan sehingga kini kepada RM13.4 bilion agregat yang terdiri daripada bon dan sukuk denominasi dalam mata wang tempatan serta asing.

"Penentuan harga ICP dibuat melalui *private place-*

Cagamas 

National Mortgage Corporation of Malaysia

ment sebelum pembentangan bajet Malaysia 2019 pada 2 November lalu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Meskipun persekitaran global menyaksikan turun naik, terbitan ICP berharga kompetitif bersandarkan penastra aras kadar rujukan pinjaman Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan.

ICP yang akan ditebus pada nilai nominal penuh pada tarikh matang, merupakan obligasi tidak bercagar syarikat, pada kedudukan setara antara mereka dan dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada lain syarikat itu.